

07 MAR 2000

IBRAHIM BERPENDAPAT KU LI TAK BERHASRAT TANDINGI NAIB PRESIDEN

KUALA LUMPUR, 7 Mac (Bernama) -- Anggota Majlis Tertinggi Umno Datuk Ibrahim Ali berkata Tengku Razaleigh Hamzah pada pendapatnya tidak berhasrat bertanding untuk jawatan Naib Presiden parti dalam pemilihan parti Mei ini.

Katanya, ini berdasarkan kepada kenyataan Tengku Razaleigh sebelum ini bahawa calon-calon Naib Presiden sudah mencukupi kerana mereka yang telah menawarkan diri untuk jawatan itu terdiri daripada tokoh-tokoh yang berkelayakan.

"Menegenai soal pencalonan Tengku Razaleigh untuk jawatan-jawatan lain, ia terserah kepada ahli dan perwakilan," kata beliau ketika mengulas cadangan supaya Tengku Razaleigh, Ketua Perhubungan Umno Kelantan, bertanding bagi jawatan Naib Presiden dalam pemilihan parti.

Tengku Razaleigh belum memberi reaksi terhadap cadangan tersebut.

Antara mereka yang memberi cadangan itu ialah Menteri Besar Perak Datuk Seri Tajol Rosli Ghazali dan bahagiannya, Grik mencalonkan Tengku Razaleigh sebagai seorang daripada tiga calon Naib Presiden pada mesyuarat perwakilannya hujung minggu lepas.

Ibrahim berkata, keputusan MT parti supaya hanya Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Datuk Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi dicalonkan masing-masing untuk jawatan Presiden dan Timbalan Presiden, hanya merupakan nasihat dan bukannya arahan.

Ibrahim berharap proses pemilihan Umno dapat berjalan dengan baik dan perkara ini amat penting agar orang ramai akan terus memandang mulia dan menghormati Umno.

-- BERNAMA

AFY NMO